

## PENULISAN ESEI

TAJUK ESEI: **Modus Operandi Muslim Mendepani Teknologi Moden**

PENULIS: **Anis Syazwani Mohd Sapuan**

*Tarikh diterbitkan: 6 Januari 2021*


Sedasawarsa ini, semua umat manusia di segenap pelosok bumi menghadapi gangguan teknologi. Gangguan teknologi ini sudah mencapai tahap luar biasa tanpa mengira peringkat umur, bangsa, agama mahupun pangkat. Persoalannya, apakah yang dimaksudkan dengan teknologi? Menurut Fisher (1975), teknologi adalah kata pinjaman daripada Bahasa Inggeris, *technology*. Ia berasal daripada gabungan dua perkataan dalam bahasa Yunani iaitu *techne* dan *logos*. *Techne* bermaksud seni atau kerja tangan manakala *logos* bererti wacana atau kajian sistematik. Jelasnya, ilmu yang bersifat praktikal berkait rapat dengan maksud sebenar teknologi.



*Gambar hiasan*

Bagaimana pula dengan teknologi moden? Teknologi moden bermaksud satu bentuk perubahan terhadap teknologi klasik yang tak terfikirkan sebelumnya. Menurut Rezki (2009) kehidupan masa kini telah dipengaruhi 100% oleh gangguan teknologi ini dan kebanyakan ideologi budaya diresapi menerusi televisyen dan internet. Oleh itu, budaya dan tradisi agak sukar difahami oleh generasi muda kerana pendekatan yang diambil tidak memenuhi kefahaman mereka. Seiring dengan perkembangan teknologi, umat manusia menghadapi banyak perubahan (Ahmad Fauzi, Norhasni Zainal Abidin & Andi Suwirta, 2014). Teknologi moden ini bagaikan nikotin kerana apabila kita tidak mengawal penggunaan dan kebergantungannya, kita akan


ketagih dengan teknologi tersebut. Pendeknya, teknologi moden merupakan musuh dalam selimut, yang menjadi salah satu punca kegagalan hidup kita di pentas dunia ini.



*Gambar hiasan*

Sebagai seorang muslim kita juga akan terjebak dan tidak terkecuali daripada gangguan teknologi ini. Gangguan teknologi ini merupakan antara cabaran terbesar bagi seorang muslim pada zaman kini. Oleh itu, kita perlulah lebih bijak menangani gangguan teknologi ini. Antara modus operandi untuk menghadapinya ialah, kita perlulah menetapkan jadual harian supaya tidak terleka dengan buaian teknologi yang semakin mengasyikkan. Jadual ini perlu dipatuhi dan diamalkan agar pembahagian masa kita teratur dan telus sepanjang hari. Menurut Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah (2010) generasi muda mengabaikan pelajaran, kerja rutin harian dan tanggungjawab lain kerana lebih terpengaruh untuk berinteraksi dengan teknologi berbanding dengan bentuk interaksi dan komunikasi secara bersemuka. Tidak kiralah sama dengan rakan, ibu bapa atau ahli keluarga yang lain. Justeru, kita bolehlah menyusun masa yang khusus untuk menggunakan teknologi dan masa untuk menjalani kehidupan sebagai hamba Allah. Sebagai contoh, bekas Perdana Menteri Malaysia ketujuh, Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan seorang pendebat Bahasa Inggeris yang mewakili sekolah, dan pada waktu yang sama beliau aktif dalam pasukan ragbi sekolah. Beliau membahagikan masanya dengan begitu cermat dan mematuhi agar setiap aktivitinya dapat diceburi tanpa mengabaikan atau menafikan aktiviti yang lain. Hasilnya, beliau berjaya menjadi seorang doktor selepas berakhirnya perang dunia kedua. Jelaslah, pematuhan jadual harian mampu memberikan hasil yang terbaik kepada seorang muslim dalam menghadapi gangguan teknologi ini.

Selain itu, seorang muslim seharusnya mampu mengawal hawa nafsunya sehabis baik ketika berhadapan dengan gangguan teknologi ini. Kita perlulah menggunakan teknologi hanya untuk kebaikan, misalnya menyebarkan dakwah, mencari maklumat untuk menambahkan pengetahuan dan sebagainya. Kita seharusnya mengelakkan daripada menggunakan teknologi untuk sesuatu yang tidak bermanfaat apatah lagi yang boleh mengundang kerosakan. Menurut Sheikh Abdullah Nasih Ulwan (2015), sikap ibu bapa sendiri yang mendorong kepada keruntuhan akhlak anak-anaknya, kerana membiarkan anak-anak menonton televisyen tanpa kawalan. Mereka mungkin terdedah dengan perkara-perkara yang mempunyai unsur-unsur negatif yang ditayangkan. Akibatnya, anak-anak akan terbiasa dengan elemen-elemen seumpama itu, dan menjadikannya satu budaya dalam kehidupan harian mereka. Lebih parah lagi apabila mereka tidak mampu mengawal penggunaan dan kebergantungan terhadap gangguan teknologi ini. Owens (2012) berpendapat remaja yang kerap menonton pornografi akan menyebabkannya terlibat dengan tingkah laku seks. Mereka lebih terdedah kepadanya dalam usia yang muda. Sekalipun mereka telah menyesali tindakannya, namun masa tidak boleh diundurkan lagi. Justeru, satu bentuk tindakan proaktif perlu segera diambil agar keobsesan terhadapnya tidak semakin teruk. Jelaslah bahawa kita mestilah mengawal hawa nafsu dan syahwat supaya kita berjaya menghadapi cabaran terbesar umat Islam ketika ini.



*Gambar hiasan*

Selain itu, sebagai seorang muslim, kita perlulah mengenal pasti ciri-ciri sesebuah aplikasi yang dibangunkan supaya ia dapat digunakan untuk menyebarkan dakwah menerusi aplikasi tersebut. Teknologi bukan sahaja alat untuk berinteraksi akan tetapi ia juga adalah medium untuk menonjolkan diri dan percitraan diri. Kita mestilah mengetahui aplikasi yang menjadi tumpuan orang ramai atau aplikasi yang sering dibuka oleh masyarakat untuk

menyebarkan kebaikan. Sebagai contoh, pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sendiri, Izzati Elya menggunakan aplikasi Tik Tok sebagai medium menyebarkan dakwah. Beliau berbuat demikian selepas meneliti aplikasi kegemaran remaja zaman kini antara Tik Tok, Instagram atau Twitter. Hasilnya, Tik Tok merupakan pilihan utama para belia. Biarpun aplikasi Tik Tok ini sering digambarkan dengan sesuatu yang negatif namun Elya telah dapat membuktikan sebaliknya. Tegasnya, sebagai muslim, kita perlulah terus menyebarkan Islam agar semakin terkenal di seluruh pelosok dunia. Justeru, kita juga perlulah mengikut perkembangan teknologi semasa agar penyebaran Islam terkesan di dada setiap insan.



*Gambar hiasan*

Kesimpulannya, sebagai seorang muslim, kita mestilah bijak menangani gangguan teknologi ini kerana yang pasti kita tidak berupaya untuk menolak kehadiran gangguan teknologi ini. Justeru, pilihan yang terbaik ialah, kita pilih agar tidak hanyut dengan teknologi moden ini. Alangkah indahnya kita menjadikan gangguan teknologi ini sebagai kawan sahaja dan bukannya kawan rapat mahupun musuh. Hakikatnya, menerusi medium ini, kita berupaya menyebarkan Islam dengan lebih meluas. Kita tidak boleh memandang gangguan teknologi sebagai bebanan yang berat kerana ia juga sebenarnya boleh merangsang kita untuk berfikir luar kotak bagi mendapatkan kaedah menanganinya. Justeru, angkatlah gangguan teknologi ini sebagai satu perkara yang biasa supaya segala kesukaran kita tempuhi dengan tenang.

